

04/06/2002

Status UiTM untuk Melayu perlu kekal

SEJAK kewujudan UiTM yang bermula dengan Dewan Latihan Rida pada 1956 sehinggalah mendapat status universiti pada 1999, institusi itu menjadi suatu lambang yang kukuh kejayaan kaum Melayu kerana sepanjang kewujudannya sudah beribu-ribu graduan mahir dilahirkan. Mereka ini adalah bukti kejayaan institusi itu dalam melahirkan teknokrat Melayu yang banyak memainkan peranan membangunkan negara ini. Ini bertepatan dengan tujuan UiTM ditubuhkan iaitu membantu kaum Melayu meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka agar dapat bersaing dengan kaum Cina dan India. Matlamat ini sedikit sebanyak telah mampu dicapai graduan UiTM, malah terbukti ramai bekas pelajar UiTM telah menjawat jawatan penting dalam negara. Dari segi prestasi pula, pelajar UiTM ternyata mampu bersaing sesama mereka malah berjaya mengatasi pencapaian akademik pelajar luar negara. Pendek kata UiTM tidak boleh tidak pasti dikaitkan dengan bangsa Melayu dan mesti terus kekal dengan status itu. Atas dasar itu saranan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) supaya UiTM dibuka kepada semua kaum adalah amat tidak kena dan wajar ditolak.

Saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kuota 10 peratus diberikan kepada pelajar bukan Bumiputera bagi program matrikulasi dan juga MRSM tidak harus dikaitkan dengan kedudukan UiTM. Universiti Teknologi MARA harus dilihat dari sudut yang berbeza. UiTM wujud sebagai institusi yang bermatlamat membantu Bumiputera dan memang menjadi kebanggaan kaum Melayu sejak penubuhannya kira-kira 46 tahun lalu.

Sepanjang tempoh itu, UiTM menggalas impian dan harapan masyarakat Melayu untuk berjaya dalam hidup mahupun menyumbang terhadap pembangunan pesat yang dialami negara ini. Ia adalah satu-satunya institusi yang khusus untuk kaum Melayu dan bumiputera lain. Dengan itu sewajarnya status itu dipertahankan. Tanpa membuka pintunya kepada pelajar lain pun, graduannya telah menunjukkan mereka boleh bersaing dengan jayanya di dalam berbagai kerjaya yang mereka ceburi. Oleh itu tidak timbul persoalan mereka tidak boleh bersaing dengan kaum lain di tempat kerja.

(END)